



NOTIS PEMBERITAHUAN KEPADA SEMUA PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR ALLO

Lanjutan daripada pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri berhubung Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara, maka Allo mengambil langkah-langkah berikut seperti di bawah:

1. Teras perniagaan Allo sebagai pembekal perkhidmatan telekomunikasi diklasifikasikan sebagai perkhidmatan penting (essential services). Sehubungan dengan itu, hanya syarikat pembekal dan kontraktor Allo yang terlibat secara langsung dengan operasi kerja-kerja kecemasan, pemasangan & penyelenggaraan internet dan projek sahaja yang perlu meneruskan aktiviti pembekalan produk atau perkhidmatan dan pelaksanaan kerja atau perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan.
2. Walau bagaimanapun, syarikat pembekal dan kontraktor adalah diminta mengambil langkah-langkah pencegahan awal penularan penyakit berjangkit COVID-19 yang sewajarnya seperti pemakaian "mask", "hand sanitizer" dan mengamalkan jarak sosial sekurang-kurangnya satu meter.
3. Syarikat pembekal dan kontraktor perlu memaklumkan Allo melalui email (info@allo.my) sekiranya terdapat pekerja syarikat yang disyaki atau telah disahkan positif COVID-19.
4. Sebagai langkah pencegahan, semua pembekal/kontraktor Allo yang berada di premis Allo akan diambil bacaan suhu dan jika suhu badan melebihi 37.5C tidak dibenarkan masuk ke premis Allo.
5. **Notis Pemberitahuan** ini perlu dicetak dan dibawa oleh semua anggota kerja kontraktor untuk urusan rasmi semasa bekerja di tapak projek termasuk untuk pemasangan dan penyelenggaraan internet di premis pelanggan.
6. Bagi tujuan pematuhanan Perintah Kawalan Pergerakan dan pelaksanaan kerja-kerja telekomunikasi di bawah klasifikasi perkhidmatan penting (essential services), semua pembekal atau kontraktor boleh menggunakan **Notis Pemberitahuan** ini sebagai bukti pengenalan dan surat arahan tugas dari Allo sekiranya diminta oleh pihak pengurusan bangunan/ projek atau pihak berkuasa yang berkenaan.

Sebarang maklumat terkini akan diberitahu melalui email dan sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dimajukan ke email info@allo.my atau menghubungi talian 1300-38-8000.

Sekian.